



NEGERI PAHANG

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF PAHANG GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 55

25hb April 2002

No. 9

AKTA TANAH (KAWASAN PENEMPATAN BERKELOMPOK) 1960

(Akta 530)

LAND (GROUP SETTLEMENT AREAS) ACT 1960

(Act 530)

No. 352.

PENGISYTIHARAN KAWASAN PENEMPATAN LUAR BANDAR
DALAM KAWASAN PENEMPATAN BERKELOMPOK

DECLARATION OF A RURAL SETTLEMENT AREA
WITHIN A GROUP SETTLEMENT AREA

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 5 Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960, Pihak Berkuasa Negeri telah mengisytiharkan tanah yang dilukis dan ditunjukkan dengan garisan tepi berwarna merah di atas Pelan Ukur No. P.A. 06-067486 dan P.A. 06-067487 seluas 192.03 hektar (474.516 ekar) yang disimpan di Pejabat Pengarah Ukur dan Pemetaan Pahang menjadi Kawasan Penempatan Luar Bandar dalam Kawasan Penempatan Berkelompok Rancangan FELCRA Berhad Kampung Serengkam, Mukim Luit, Daerah Maran, mulai dari 1 Januari 2001.

In exercise of the powers conferred by section 5 of the Land (Group Settlement Areas) Act 1960, the State Authority has declared the land delineated and shown edged in red upon Survey Plan No. P.A. 06-067486 and P.A. 06-067487 measuring an area of 192.03 hectares (474.516 acres) deposited in the office of the Director of Survey and Mapping of Pahang to be a Rural Settlement Area within the Group Settlement Area of Kampung Serengkam FELCRA Berhad Scheme, Mukim of Luit, District of Maran, with effect from the 1st day of January 2001.

Bertarikh 7 Mac 2002.

Dated 7 March 2002.

[PTG.Phg. 06.2/2.38(42).]

NASHRUDDIN BIN MD. SALIM,

Setiausaha,

Majlis Mesyuarat Kerajaan,

Pahang

ENAKMEN PENDAFTARAN DAN PELESENAN
PENULIS-PENULIS PETISYEN 1961

(No. 3 tahun 1961)

REGISTRATION AND LICENSING OF PETITION
WRITERS ENACTMENT 1961

(No. 3 of 1961)

KAEDAH-KAEDAH PENULIS-PENULIS PETISYEN 1961
(P.U. 63/61)

PETITION WRITERS RULES 1961
(L.N. 63/61)

No. 353.

PEMBERITAHUAN DI BAWAH KAEDAH 4(2)

NOTIFICATION UNDER RULE 4(2)

Menurut peruntukan kaedah 4(2) Kaedah-Kaedah Penulis-Penulis Petisyen 1961, adalah dengan ini diberitahu bahawa bilangan Penulis-Penulis Petisyen yang akan diberi lesen di dalam Daerah Pekan bagi tahun 2002 ialah 15 orang.

Pursuant to the provisions of rule 4(2) of Petition Writers Rules 1961, it is hereby notified that the number of Petition Writers that will be licensed in the District of Pekan for the year 2002 is 15.

Bertarikh 26 Disember 2001.

Dated 26 December 2001.

DATO' HJ WAN ABDULLAH BIN WAN SALLEH,
Pegawai Daerah/District Officer,
Pekan

KANUN TANAH NEGARA

(Akta 56 tahun 1965)

No. 354.

(Seksyen 168)

NOTIS-NOTIS BERKENAAN DENGAN CADANGAN HENDAK MENGELOUARKAN
HAKMILIK SAMBUNGAN (ATAU SURATAN YANG DIKELUARKAN YANG
BARU SEBAGAI GANTINYA)

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 168 Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak menggantikan suratan hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Dokumen Hakmilik Keluaran Komputer telah hilang sebagaimana Perserahan Permohonan No: 153/2002 bertarikh 20 Mac 2002.

JADUAL

Daerah—Temerloh. Bandar/Pekan/Mukim—Perak. Jenis dan No. Hakmilik—GM 322. No. Lot—4994. Luas—5 pole. ((1) Satu Hakmilik sahaja).

Bertarikh 25 Mac 2002. [PTT. 260/06/02.]	WAN KAMALUDIN BIN WAN MUSTAFA, b.p. Pentadbir Tanah Daerah, Temerloh
---	--

No. 355.

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 168 Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak menggantikan suratan hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Hakmilik Keluaran Komputer rosak.

JADUAL

Mukim—Triang. No. Lot—209. Jenis dan No. Hakmilik—GM 1751. Luas—5 ekar.

Bertarikh 27 Mac 2002. [PT. Bera/4/265/4/02.]	Pentadbir Tanah Dearah, Bera
--	---------------------------------

No. 356.

(Seksyen 175D)

NOTIS BAHAWA DOKUMEN HAKMILIK DAFTAR SEMENTARA
ADALAH TERBUKA UNTUK DIPERIKSA

Notis adalah dengan ini diberi bahawa dokumen hakmilik daftar sementara mengenai tanah yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini adalah sekarang terbuka untuk diperiksa di Pejabat Tanah Temerloh dan boleh diperiksa dalam waktu pejabat biasa tanpa dikenakan bayaran.

Mana-mana orang atau badan yang ada mempunyai apa-apa kepentingan atas tanah yang tersebut boleh membantah terhadap apa-apa catatan di dalamnya mengikut seksyen 175E dalam tempoh tiga bulan daripada tarikh notis ini disiarkan dalam *Warta*.

JADUAL TANAH

Daerah—Temerloh. Mukim—Sanggang. Perihal dan No. Hakmilik—Geran Mukim 3167. No. Lot—0001308. Luas—0001225 ekar. Tuanpunya Berdaftar—Ahmad bin Awang.

Bertarikh 25 Mac 2002. [PTT. 260/05/02.]	Pentadbir Tanah Daerah, Temerloh
---	-------------------------------------

No. 357.

(Seksyen 187B)

**NOTIS-NOTIS MENGENAI CADANGAN HENDAK MENGELOUARKAN DOKUMEN
HAKMILIK KELUARAN SEMENTARA YANG BARU**

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 187B Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan untuk menggantikan dokumen hakmilik keluaran sementara bagi tanah yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Hakmilik Keluaran Asal diakui telah hilang.

JADUAL

Bandar/Pekan/Mukim—Kuala Kuantan. No. PT.—33052. Perihal dan No. Hakmilik—HS(M) 29848. Luas—7232 meter persegi.

Bertarikh 22 Mac 2001.
[PTK. 4/4/1/2007.]

ABDUL AZIZ BIN MD. YUSOF,
Pentadbir Tanah Daerah,
Kuantan

No. 358.

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 187B Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan untuk menggantikan dokumen hakmilik keluaran sementara bagi tanah yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Dokumen Hakmilik Keluaran Komputer (DHKK) hilang. Surat Akuan Pers: 67/2002.

JADUAL

Mukim—Bentong. No. P.T.—12344. Perihal dan No. Hakmilik—HS(D) 8854. Luas—143 meter persegi.

Bertarikh 25 Mac 2002.
[PTG. Phg. 08/1866/2002.]

Timb. Pendaftar Hakmilik Negeri,
Pahang

No. 359.

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 187B Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan untuk menggantikan dokumen hakmilik keluaran sementara bagi tanah yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Hilang seperti Surat Akuan Bil. 147/2002 didaftarkan pada 19 Mac 2002.

JADUAL

Mukim—Triang. No. P.T.—7976. Perihal dan No. Hakmilik—HS(M) 4816. Luas—3 ekar.

Bertarikh 27 Mac 2002. [PT. Bera/4/265/5/02.]	Pentadbir Tanah Daerah, Bera
--	---------------------------------

No. 360.

(Seksyen 263)

PERINTAH JUALAN ATAS PERMINTAAN PEMEGANG GADAIAN

Saya, Azalia binti Mohamed, Pentadbir Tanah, setelah menjalankan siasatan atas permohonan pemegang gadaian dalam gadaian yang diperihalkan dalam Jadual 1 di bawah ini bagi tanah yang diperihalkan sedemikian dan setelah puas hati bahawa tidak ada apa-apa sebab yang bertentangan;

Dengan ini, pada menjalankan kuasa yang diberi oleh seksyen 263 Kanun Tanah Negara, perintah supaya dijual tanah yang tersebut itu.

Dan selanjutnya saya perintah—

- (a) bahawa jualan itu hendaklah dengan jualan lelong awam yang akan diadakan pada 5 Jun 2002 jam 10.30 pagi; dan
- (b) bahawa harga rizab bagi maksud jualan itu ialah RM124,000.00 (Ringgit Malaysia: Seratus Dua Puluh Empat Ribu Sahaja).

2. Saya dapati bahawa amaun yang kena dibayar kepada pemegang gadaian itu pada tarikh ini ialah RM16,476.69.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Mukim—Teh. No. Lot—402. Jenis dan No. Hakmilik—GM 472. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—Pr. 505/1995, Jilid 47, Folio 95.

Bertarikh 4 Disember 2001. [PTJ. 2.7.16/2001.]	Pentadbir Tanah Daerah, Jerantut
---	-------------------------------------

No. 361.

Saya, Abdul Hamid bin Sidek, Pentadbir Tanah, setelah menjalankan siasatan atas permohonan pemegang gadaian dalam gadaian yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini bagi tanah yang diperihalkan sedemikian dan setelah puas hati bahawa tidak ada apa-apa sebab yang bertentangan;

Dengan ini, pada menjalankan kuasa yang diberi oleh seksyen 263 Kanun Tanah Negara, perintah supaya dijual tanah yang tersebut itu.

Dan selanjutnya saya perintah—

- (a) bahawa jualan itu hendaklah dengan jualan lelong awam yang akan diadakan pada 18 Julai 2002 (Khamis) jam 10.00 pagi di Tingkat 2, Bilik Gerakan Pejabat Daerah dan Tanah Raub; dan
- (b) bahawa harga rizab bagi maksud jualan itu ialah RM28,000.00.

2. Saya dapati bahawa amaun yang kena dibayar kepada pemegang gadaian itu pada tarikh itu (31hb Mac 2002) ialah RM13,894.70.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Bandar/Pekan/Mukim—Gali. No. P.T.—12080. Jenis dan No. Hakmilik—HS(M) 6720. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua Bahagian. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—Pers. No: 1766/1989, Jil. 39, Fol. 19.

Bertarikh 2 April 2002.
[P.T. Rb. 9/1828.]

Pentadbir Tanah Daerah,
Raub

No. 362.

AKTA PENGAMBILAN TANAH 1960 (Akta 486)

LAND ACQUISITION ACT 1960 (Act 486)

Seksyen 8

PERISYTIHARAN PENGAMBILAN YANG DICADANGKAN

Section 8

DECLARATION OF INTENDED ACQUISITION

PEMBETULAN/CORRIGENDUM

Pemberitahuan Warta No. 169 yang disiarkan pada 14 Februari 2002 dipinda dalam Jadual dengan menggantikan perkataan “Daerah—Rompin. Mukim—Rompin.” dengan perkataan “Daerah—Maran. Mukim—Luit.”.

[PTM. 6/4/0192 Sj. 1.]

Gazette Notification No. 169 published on 14 February 2002 is amended in the Schedule by substituting for the words “Daerah—Rompin. Mukim—Rompin.” the words “Daerah—Maran. Mukim—Luit.”.

[PTM. 6/4/0192 Sj. 1.]

NOTIS AM**No. 363.****KANUN TANAH NEGARA**

(Akta 56 tahun 1965)

(Seksyen 255)

TUNTUTAN UNTUK PEMBAYARAN WANG POKOK

Kepada Pengerusi, Koperasi Serbaguna Mini Estate Paya Kertau Berhad, beralamat di Pondok ZL, Kampung Tanjung Kertau, 28100 Chenor, Pahang Darul Makmur, penggadai di bawah gadaian yang perihalkan dalam Jadual di bawah ini bagi tanah/bahagian yang tidak dipecahkan atas tanah/pajakan kecil yang diperihalkan sedemikian.

Bahawasanya wang pokok yang dijaminkan oleh gadaian berjumlah Ringgit Malaysia Enam Puluh Tujuh Ribu Dua Ratus Lapan Puluh Enam Dan Sen Lapan Puluh (RM67,286.80) setakat 29 Disember 2001 adalah kena dibayar apabila diminta.

Saya, sebagai Pemegang Gadaian, menurut kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 255 Kanun Tanah Negara, dengan ini mengkehendaki pembayaran wang tersebut dengan segera.

Dan ambil perhatian bahawa, jika jumlah wang tersebut tidak dibayar dalam tempoh satu bulan dari tarikh notis ini, saya akan memohon suatu perintah jualan.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Bandar/ Pekan/ Mukim	No. Lot/ Petak/P.T	Jenis dan No. Hakmilik	Bahagian Tanah (jika ada)	No. Berdaftar Pajakan/ Pajakan Kecil (jika ada)	No. Berdaftar Gadaian (jika ada)
PT.	H.S (M)				
Mukim Bukit Segumpal	1456	1252	Semua	Tiada	No. Pers. 71/95 No. Jil. 24 No. Fol. 8
Daerah Maran					

(Satu (1) Hakmilik sahaja)

Bertarikh 10 Januari 2002.

[Per No. 26/99;
Tarikh 7-9-1999]

Tandatangan (atau lain-lain cara Penyempurnaan
oleh atau pihak pemegang gadaian,
For Bank Islam Malaysia Berhad
Cawangan Temerloh

Hakcipta Pencetak (H)**PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD**

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/ atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada **Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik)**.



DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,
CAWANGAN KUALA LUMPUR
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA

PNMB